

UMS adakan Program Outreach di Pulau Tambisan

UB 22-11-2012 B5

LAHAD DATU: Seramai 92 mahasiswa dan lima pensyarah selaku pengiring yang diketuai oleh Ketua Unit Penyelidikan Pendidikan dan Pembangunan Luar Bandar (UPPLB) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Khalid Johari, telah mengadakan Program Outreach di Pulau Tambisan, dekat sini.

Program bertemakan 'Scaling Up Education In Community' itu dijalankan dengan kerjasama Program Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) dan Pelajar Ijazah Pendidikan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial.

Program itu bertujuan mempertingkatkan kredibiliti akademik UMS untuk meneroka potensi ilmu berkaitan pedalaman Sabah selain membantu

mempertingkatkan sosio-ekonomi masyarakat pedalaman serta memacu pencapaian pendidikan murid-murid di pedalaman dalam bidang akademik.

Di samping itu, aktiviti-aktiviti berkaitan kemasyarakatan yang berbentuk pendidikan juga dijangka mampu memberi pendedahan kepada peri pentingnya pendidikan lestari.

Objektif utama program adalah untuk mempertingkatkan kesedaran dan kecekapan guru tentang keutamaan bidang sains dan teknologi selaras dengan perkembangan perubahan semasa, mengembangkan minat dan keseronokan dalam pembelajaran, khususnya dalam bidang Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris.

Seterusnya, meningkatkan

persaingan sesama murid dalam pembelajaran dan mempelajari teknik-teknik mudah dalam pembelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris.

Program berlangsung dari 15 hingga 18 November di Kampung Pulau Tambisan, Lahad Datu. Program turut melibatkan mahasiswa program Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI), Mahasiswa (Ijazah) SPPS, para guru dan pelajar-pelajar SK Tambisan, SK Tanjung Labian, SK Tungku, SK Lok Buani, SK Telisai, SK Cenderawasih, SK Fajar Harapan, SK Sri Pantai, SK Sahabat 2, SK Sahabat 4 dan SK Sahabat 16 Tambisan, dan komuniti Kampung Tambisan dan sekitarnya.

Program turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada

Biro Tatanegara Cawangan Sabah, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Sambutan daripada penduduk Kampung Pulau Tambisan amat baik dan penduduk di sana begitu mesra dan ramah. Apa yang menarik ialah pulau berkenaan bukan sekadar didiami oleh penduduk yang berbangsa Bajau dan Suluk, malah terdapat keluarga berbangsa Cina yang juga tinggal di pulau itu.

Permandangan yang indah dan permaidipulau tersebut terutamanya pada waktu senja amat menenangkan jiwa dan yang pasti ditunggu ialah melihat keagungan ciptaan Tuhan iaitu matahari terbenam.

Aktiviti utama penduduk di pulau itu ialah menangkap ikan atau perikanan. Pulau Tambisan jika dilihat dari aspek ekonomi dan pelancongan mempunyai potensi yang besar.

Kedudukan pulaunya yang indah dan aktiviti perikanan yang rancak jika dibangun dan dikomersilkan secara agresif mampu meningkatkan pendapatan negara dari sudut ekonomi dan perlancongan.

Seorang pelajar program Diploma Pendidikan Lepas Ijazah, Rosmayanti Bayang berkata, "walaupun saya orang Sabah, namun ini kali pertama saya datang dan



AKTIVITIASIMILASI di mana para mahasiswa telah pergi ke rumah penduduk untuk menyampaikan maklumat tentang Program Outreach.

melihat sendiri budaya masyarakat di Pulau Tambisan."

"Saya juga melihat dengan lebih dekat kehidupan suku kaum Bajau dan Suluk. Terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Dr Khalid kerana membawa program outreach kali ini di Pulau Tambisan," katanya.

Manakala wakil pelajar Program Ijazah Pendidikan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan


Sosial UMS, Sherry berkata, Program Outreach mampu meningkatkan keyakinan bakal guru agar bersedia jika mengajar di kawasan luar bandar suatu hari kelak.

Para penuntut dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak juga turut merasakan kehidupan selama empat hari di Pulau Tambisan, yang merupakan pengalaman tidak dapat dilupakan.

Watson Asai Anak Jika berkata, kehidupan di pulau itu amat menyeronokkan dan jika diberi peluang mendidik pelajar di pulau itu, "sudah pasti saya akan menerima dengan hati yang rela dan terbuka, tiada bezanya jika saya ditugaskan di sini atau di Sarawak."

Tanggal 17 November 2012 menjadi penutup tirai Program Outreach di Pulau Tambisan dan segala kenangan bersama penduduk kampung di situ sudah pasti menjadi satu kenangan yang terindah dan setiap cabaran.

Kesusahan sudah pasti sebagai satu persediaan dan bekalan para mahasiswa yang bakal bergelar guru sebelum masuk ke alam pekerjaan yang sebenar.



SUASANA santai pada waktu petang di jeti Pulau Tambisan. Turut kelihatan kanak-kanak riang bermain di lumpur pada waktu senja.



PROGRAM LDK bersama murid-murid di SK Tambisan.